

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI  
[ BATU PAHAT ]**

**SOALAN :** **Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]**  
minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan pantai khasnya di Parlimen Batu Pahat dan apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk mengatasi permasalahan itu dan setakat mana keberkesanannya.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Jumlah nelayan pantai berdaftar dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia di kawasan Parlimen Batu Pahat pada tahun 2014 adalah seramai 1,316 orang. Berdasarkan kepada aduan-aduan yang diterima oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), kebanyakan nelayan pantai khususnya di kawasan Parlimen Batu Pahat menghadapi masalah seperti berikut:

- (a) pencerobohan pukat tunda di kawasan pantai; dan
- (b) kehilangan / kecurian peralatan penangkapan ikan.

Walaupun, isu-isu yang disebutkan ini masih belum diatasi sepenuhnya, namun masalah seperti pencerobohan pukat tunda di kawasan pantai dapat dibendung melalui peningkatan pemantauan dan penguatkuasaan. Pada tahun 2014, sebanyak 32 daripada 278 tangkapan bagi kes kesalahan pencerobohan vesel pukat tunda telah ditahan di perairan Johor. Daripada jumlah tersebut, 7 kes tangkapan adalah di Batu Pahat.